

24 AUG 2000

EMPAT RAKYAT MALAYSIA TERIMA ANUGERAH BIASISWA PERDANA 2000

KUALA LUMPUR, 24 Ogos (Bernama) -- Empat rakyat tempatan menerima anugerah Biasiswa Perdana 2000 daripada Program Pertukaran Fellowship Perdana Menteri Malaysia (Program) bagi menyambung pelajaran di peringkat ijazah lanjutan dan Program Fellowship di universiti-universiti utama di Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Perancis.

Mereka terdiri daripada Rina Juliana Samsudin (Ph.D dalam Kejuruteraan Elektrik di Universiti Cambridge di UK), Tan Tiang Chye (Ph.D dalam Perhubungan Antarabangsa di National Institute of Oriental Studies di Paris), Marinah Othman (Ph.D dalam Komunikasi Optik di Universiti Bristol di UK) dan Dr Goh Pik Pin (Program Fellowship, di DANA Centre for Preventive Ophthalmology di Maryland, AS).

"Termasuk tahun ini, sejumlah 17 Anugerah Biasiswa Perdana sudah dikeluarkan sejak 1997," kata Program dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Biasiswa itu bertujuan mempromosikan kecemerlangan pendidikan di kalangan rakyat Malaysia dan terbuka kepada semua bidang pengajian.

Program dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada tahun 1995 dengan aktiviti utama termasuk menganjurkan Syarahan Perdana dan Anugerah Biasiswa Perdana kepada rakyat Malaysia yang cemerlang dan memenuhi syarat.

-- BERNAMA

NM AHH LAT